

BACKGROUND AND PERSONALITY OF DATO' SALLEH BIN HJ AHMAD

LATAR BELAKANG DAN PERSONALITI DATO' SALLEH BIN HJ AHMAD

Mokhtaruddin Muhamadⁱ, Zuliza Mohd Kusrinⁱⁱ & Muhammad Adib Samsuddinⁱⁱⁱ

ⁱ Pelajar Sarjana, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
Xpdcmokhtar3434@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
zuli@ukm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
adib@ukm.edu.my

Article Progress

Received: 28th December 2017

Revised: 23th January 2018

Accepted: 1st February 2018

Abstract	<p><i>In Malaysia, there are certain religious scholars that contribute at state administration level and in the society. Among them is Dato' Salleh Haji Ahmad, who is known as one of the Islamic religious figures by society due to his involvement in the field of education and his contribution in sustaining Islamic religion among the society. This article discusses on the biodata, academic achievement and his contribution as an academician and the member of Sharia (Fatwa) Committee of the State of Perak Darul Ridzuan. Data collected is analysed descriptively and presented with following theme. The research outcomes discover that Dato' Salleh Haji Ahmad was born in a family with Islamic religious background. His commitment in academic field shows his positive contribution in the field of teaching, writing and community service. His commitment as a member of the Shariah (Fatwa) Committee is quite active when he frequently shares his opinion on issues addressed.</i></p> <p>Keywords: <i>Dato' Salleh Haji Ahmad, fatwa, scholars, education, Perak.</i></p>
Abstrak	<p><i>Di Malaysia telah lahir beberapa tokoh agama yang memberikan sumbangan di peringkat pentadbiran negara dan masyarakat. Dato' Salleh Haji Ahmad merupakan salah seorang tokoh agama yang perlu dikenali oleh masyarakat kerana penglibatan dalam bidang pendidikan dan sumbangannya dalam memartabatkan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat. Artikel ini membincangkan latar belakang peribadi, pencapaian akademik serta sumbangan beliau sebagai seorang ahli akademik dan Ahli Jawatankuasa Syariah (Fatwa) Negeri Perak Darul Ridzuan. Data-data yang terkumpul dianalisis secara diskriptif dan dipersembahkan mengikut tema bersesuaian. Hasil penyelidikan mendapati Dato' Salleh Haji Ahmad dilahirkan dalam keluarga yang berlatarbelakangkan agama Islam. Penglibatan beliau dalam bidang akademik juga menunjukkan sumbangan positif beliau dalam bidang pengajaran, penulisan dan khidmat masyarakat. Penglibatannya sebagai ahli Jawatankuasa Syariah (Fatwa) adalah sangat aktif apabila beliau sentiasa menyatakan pandangan dalam isu-isu yang dikemukakan.</i></p> <p>Katakunci: <i>Dato' Salleh Haji Ahmad, fatwa, tokoh, pendidikan, Perak.</i></p>

PENDAHULUAN

Dato' Salleh Haji Ahmad merupakan seorang ulama yang disegani dan dihormati oleh masyarakat khususnya para pelajar universiti. Beliau merupakan tempat bertanya atau pakar rujuk dalam masalah agama terutama yang berkaitan dengan fiqh. Sikap beliau yang tidak suka menonjolkan diri dan warak sangat disenangi oleh rakan dan taulan. Beliau seorang yang tidak banyak bercakap terutama perkara-perkara yang sia-sia melainkan percakapan beliau jika ada keperluan dan sesuai dengan masa dan tempat.

Namun begitu, generasi muda sekarang kurang mengenali beliau terutama kerana kurangnya peranan media untuk mengenengahkan ketokohan beliau. Beliau pula dengan sifat waraknya tidak suka menonjolkan diri di media-media, namun lebih selesa menyampaikan ilmu-ilmu Islam dengan cara tersendiri dan tidak sebagai selebriti. Artikel ini membincangkan latar belakang Dato' Salleh Haji Ahmad dan keperibadian beliau sebagai seorang tokoh pendidik dan ulama yang dihormati oleh masyarakat. Perkara-perkara yang dibincangkan adalah latar belakang keluarga, pendidikan, kerjaya, keperibadian, pandangan umum tentang Dato' Salleh Haji Ahmad, prinsip beliau, tauliah dan penganugerahan yang beliau terima.

LATAR BELAKANG KELUARGA

Nama sebenar beliau ialah Md. Saleh bin Haji Md.@ Haji Ahmad. Beliau dilahirkan di kampung Permatang Sg. Dua, Kepala Batas, Seberang Prai, Pulau Pinang pada 5 Julai 1947. Ayahanda beliau iaitu Haji Ahmad bin Yunus bin Saad telah berkahwin dengan Hajjah Habibah bt Haji Shahabuddin iaitu ibu kepada Dato' Salleh yang juga merupakan cucu kepada al-marhum Tuan Samad iaitu seorang ulama terkenal di Pulau Pinang.

Datuk beliau iaitu Haji Yunus bin Saad telah berkahwin dengan Maimunah binti Haji Abdullah, manakala datuk sebelah ibu beliau ialah Haji Shahabuddin bin Tuan Samad yang merupakan Tok Guru pondok di Permatang Sg. Dua, Kepala Batas dan merupakan dua pupu kepada Abdullah Fahim yang juga merupakan seorang ulama hebat di Pulau Pinang serta datuk kepada bekas Perdana Menteri Malaysia yang ke lima iaitu Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.

Ibu Bapa Dan Adik Beradik

Beliau memang dilahirkan daripada kalangan keluarga ulama. Ayahanda beliau iaitu Haji Ahmad bin Yunus atau lebih dikenali sebagai Tuan Guru Haji Ahmad Sungai Petai adalah seorang Tuan Guru dan ulama yang amat dihormati dan disegani oleh masyarakat. Selain menjadi guru agama, Ayahanda Dato' Salleh pernah menjadi Ahli Majlis Agama Islam dan Ahli Majlis Fatwa Negeri Perak. Ayahanda Dato' Salleh pernah belajar di Mekah selama lebih kurang 11 tahun.

Menurut sahabat baik Dato' Salleh iaitu Ustaz Darus Senawi Ali, Ayahanda Dato' Salleh pernah memiliki rumah di Mekah, kemudian Kerajaan Saudi hendak mengambil tanah yang merupakan tapak rumah Ayahanda Dato' Salleh untuk membesarkan Masjidil Haram. Kerajaan Saudi telah membayar pampasan yang berupa wang tunai kepada keluarga beliau, Dato' Salleh telah mendedahkan wang tersebut kepada institusi pondok antaranya ialah pondok Derang, Kepala Batas, Alor Setar, Kedah. Haji Ahmad telah mendidik anak-anaknya seramai sembilan orang dengan penuh ketegasan. Dato' Salleh adalah anak yang ke empat daripada sembilan adik-beradik yang masih ada.

Dua orang adik-beradik beliau telah meninggal dunia semasa kecil. Kesemua adik-beradiknya telah diberi penekanan kepada ajaran Islam sejak dari kecil lagi. Ini terbukti apabila kesemua adik-beradik lelakinya telah dihantar ke sekolah pondok sebaik sahaja tamat sekolah rendah dan dilatih berdikari sendiri seperti berkebun dan kerja-kerja lain.

Anak pertama pasangan Tuan Guru haji Ahmad dan Hajjah Habibah ialah Yunus bin Hj. Ahmad iaitu seorang yang bekerja kampung. Anak yang kedua pasangan ini ialah Dato' Haji Hassan, mantan Mufti Pulau Pinang. Ketiga ialah Haji Hussain, iaitu seorang guru agama dan Naib kadi Sg. Perak Bukit Gantang. Anak yang keempat ialah Dato Salleh sendiri. Anak yang kelima ialah Hajjah Maimunah iaitu sebagai suri rumah. Anak yang

keenam ialah Haji Yahya, sekarang telah bersara dari jawatan Pegawai Majlis Perbandaran Taiping.

Anak yang ke tujuh ialah Haji Zakaria, yang mana sekarang bekerja sebagai guru agama dan pendakwah bebas. Anak yang kelapan ialah Haji Idris, iaitu seorang yang aktif dalam bidang politik dan merupakan Ahli Jawatankuasa Pas Pusat. Manakala anak yang kesembilan ialah Hajjah Mashitah, yang merupakan seorang guru agama di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 9, Terung.

Alam Rumahtangga

Dato' Salleh Haji Ahmad telah memulakan alam rumahtangga bersama isteri tercinta iaitu Solehah binti Haji Abdul Halim. Mertua beliau iaitu Haji Abdul Halim ialah seorang Mudir Sekolah Agama Rakyat iaitu *Madrasah Irsyad al-Asraf al-Wataniah*, Jalan Stesen, Sg. Bakap, Jawi, Seberang Perai Selatan. Hasil perkahwinan Dato' Salleh Haji Ahmad dengan Hajjah Solehah, beliau dikurniakan seorang cahaya mata iaitu bernama Nurul Huda yang mana sekarang sedang berkhidmat sebagai guru J-Qaf di salah sebuah sekolah di Kuala Lumpur. Namun begitu, kehidupan Dato Salleh Haji Ahmad bersama isteri tercinta Hajjah Solehah tidak sampai keujung nyawa kerana Hajjah Solehah telah kembali ke rahmatullah pada 5 April 2012 bersamaan hari Khamis.

Dengan kesunyian dan kesukaran mengurus kehidupan harian kerana keseorangan, Dato' Salleh Haji Ahmad telah berkahwin dengan Zanariah Binti Haji Ismail pada 22 Ogos 2012. Isteri kedua Dato', Datin Zanariah berasal dari Sg. Puyu, Kepala Batas. Perkahwinan Dato' Salleh Haji Ahmad dengan Datin Zanariah Binti Haji Ismail tidak dikurniakan cahaya mata.

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN DAN KERJAYA

Dato' Salleh Haji Ahmad boleh dikatakan individu yang berjaya dalam pendidikan dan kerjaya. Beliau sangat bersungguh-sungguh dalam mengejar cita-cita dan seorang yang memberi tumpuan penuh kepada kerjaya. Beliau bijak memanfaatkan masa yang diberikan dengan banyak menumpukan kepada usaha-usaha dalam menyampaikan ilmu kepada mereka yang memerlukan.

Pendidikan Peringkat Rendah dan Menengah

Dato' Salleh Haji Ahmad memulakan pengajian sekolah rendah di Sekolah Melayu Jelutong, Taiping, Perak. Selepas tamat sekolah rendah, pada peringkat menengah beliau telah memasuki Pondok Gajah Mati, Pendang, Kedah daripada tahun 1959 hingga tahun 1966. Kemudian beliau masuk ke Madrasah Irsyadiyah, Batu 26, Bagan Datoh, Perak, dari tahun 1967 hingga 1968. Lebih kurang 9 tahun beliau mendalami ilmu di sekolah pondok. Beliau telah menunjukkan kesungguhan dalam menuntut ilmu seterusnya ingin menjadi seorang yang berilmu untuk mencari keredaan Allah SWT. Beliau juga pernah pergi ke Pondok Payong, Kota Bharu bersama abangnya Dato' Hassan Haji Ahmad untuk mencari ilmu di sana.

Menurut adik beliau ustaz Idris Hj. Ahmad (2013), abangnya selalu diberi kepercayaan untuk memberi tazkirah di surau dan pondok ayahnya apabila beliau balik ke kampung semasa cuti pembelajaran. Ini sudah menjadi adat kebiasaan, apabila seseorang yang belajar ilmu agama akan disuruh untuk kehadiran bagi melatih mereka untuk menjadi seorang pendakwah yang terbaik disamping memberi motivasi dan galakan seterusnya memperbaiki mutu penyampaian kepada pendengar. Tambah ustaz Idris lagi, abangnya seorang yang sangat bersungguh-sungguh dalam mencari ilmu.

Pendidikan Peringkat Tinggi

Setelah tamat menuntut ilmu di peringkat menengah, seterusnya beliau melanjutkan pelajaran di Maktab Pengajian Islam, Jalan Bayam, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1969. Setelah tamat pengajian di Maktab Pengajian Islam, Kota Bharu, pada tahun 1970 beliau meneruskan pengajian di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Yayasan Pengajian Islam

Tinggi Kelantan (YPTIK) Nilam Puri dan mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah (*Jayyid Jiddan*) pada tahun 1974.

Setelah itu beliau dihadihkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar, Mesir. Beliau sekali lagi mendapat Ijazah Sarjana Muda Syariah (*Jayyid Jiddan*) pada tahun 1976 di Universiti al-Azhar, Mesir. Ini bermakna beliau mempunyai dua Ijazah Sarjana Muda di tempat yang berlainan iaitu di Yayasan Pengajian Islam Tinggi Kelantan dan Universiti al-Azhar, Mesir. Kemudian beliau berjaya mendapat Ijazah Sarjana Syariah (*Mumtaz*) dalam bidang *Fiqh Muqaran* pada tahun 1978.

Menurut Dato' Salleh Haji Ahmad, beliau pergi ke Universiti al-Azhar, Mesir untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana, tetapi ketika tiba di sana beliau banyak mengajar pelajar-pelajar dan rakan-rakan yang berada di peringkat Sarjana Muda, bahkan beliau dirujuk oleh para pelajar Melayu, terutama dalam bidang yang berkaitan dengan ilmu kitab-kitab Arab. Oleh itu dalam tahun kedua, beliau mendaftar peperiksaan di peringkat Sarjana Muda dalam bidang Syariah dan akhirnya lulus dengan mendapat *Jayyid Jiddan*. Dua bulan selepas itu, beliau mengambil pula peperiksaan di peringkat Sarjana dalam bidang yang sama iaitu Syariah.

Di peringkat Sarjana sekali lagi beliau lulus dengan cemerlang dengan mendapat pangkat *Mumtaz*. Berkat kesungguhan Dato' Salleh Haji Ahmad dalam menuntut ilmu, akhirnya beliau berjaya menjadi seorang ilmuan yang banyak berbakti kepada tanahair serta menunjukkan beliau seorang yang berjaya memanfaatkan ilmu pengetahuan yang dituntut sebagaimana ciri-ciri yang ada pada setiap ulama iaitu berjihad menyampaikan ilmu kepada masyarakat dengan ikhlas dan *istiqamah*.

Guru dan Anak Murid Dato' Salleh Haji Ahmad

Dato' Salleh Haji Ahmad menuntut ilmu di beberapa tempat di luar Negara menyebabkan beliau mempunyai ramai guru. Antara guru yang beliau paling kagumi ialah Syeikh Muhammad Najib al-Muti'e iaitu pengarang kitab *Takmilah al-Majmu'*. Menurut rakan baik beliau semasa di Mesir, Ustaz Ahmad Badawi Abdullah (2013), Dato' Salleh berguru dengan Syeikh Muhammad Najib Muti'e secara *talaqqi*, dimana Syeikh Muhammad Najib al-Muti'e akan datang ke rumah Malaysia di Mesir seminggu dua kali untuk mengajar pelajar-pelajar Malaysia secara sukarela.

Dato' Salleh tidak melepaskan peluang ini dan sentiasa menjadi anak murid kepercayaan Syeikh Muhammad Najib al-Muti'e. Dato' Salleh sentiasa duduk di barisan hadapan dan sentiasa disuruh oleh Syeikh Muhammad Najib untuk membaca petikan-petikan Arab dalam kitab sebelum disyarahkan oleh beliau. Syeikh Muhammad Najib menyempurnakan *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*, sebuah kitab mazhab Syafi'e yang dikarang oleh Imam Abu Ishaq al-Shiraziyy yang sebelumnya disyarah oleh imam al-Nawawiyy dan Taqiyy al-Din al-Subkiyy.

Antara guru Dato' Salleh yang lain ialah Dr. Syeikh 'Abd al-Ghaniyy 'Abd al-Khaliq iaitu seorang Profesor di Universiti al-Azhar, Mesir. Selain itu, Dato' Salleh juga pernah berguru dengan Dr Muhammad Anis 'Ubadah yang juga merupakan Profesor di Universiti al-Azhar, Mesir. Antara guru Dato' Salleh dalam negeri ialah Tuan Guru Dato' Haji Ghazali Arshad atau lebih masyur namanya sebagai Tuan Guru Haji Ghazali Batu 26. Selain itu, beliau juga banyak menimba ilmu daripada bapanya sendiri.

Ketokohan beliau sebagai pensyarah terserlah dengan bilangan anak murid yang ramai. Selama 32 tahun, dari tahun 1979 hingga 2011 beliau berbakti kepada universiti sebagai tenaga pengajar. Pelbagai mata pelajaran yang beliau ajar khususnya mata pelajaran yang berkaitan dengan fiqh dan usul fiqh. Ini tidak termasuk program-program anjuran JAKIM, Jabatan Agama Negeri, Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti, badan-badan tertentu, persatuan-persatuan dan lain-lain pihak yang menjemput beliau menjadi tenaga pengajar dan penceramah.

Antara anak murid beliau yang telah berjaya ialah seperti Prof. Madya Dr Abdul Karim Ali yang berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Malaya. Selain itu ialah Ustaz Abdul Rahman Yunus iaitu Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang yang merupakan anak murid beliau semasa di Nilam Puri, Kelantan. Seorang lagi anak murid beliau yang beliau

didik semasa di Mesir ialah Dato' Haji Abdul Rahman Osman yang sekarang menjadi Mufti Kerajaan Negeri Pahang (Salleh Ahmad, 2012).

Kerjaya Dato' Salleh Haji Ahmad

Kerjaya beliau bermula setelah tamat pengajian di Universiti al-Azhar Mesir. Beliau menamatkan pengajian sehingga ke peringkat Sarjana di sana. Beliau diterima menjadi pensyarah di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) pada tahun 1979 yang kemudiannya diambil alih oleh Universiti Malaya pada tahun 1981.

Semenjak itu beliau meneruskan tugas sebagai pensyarah di Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya. Pada tahun 1982 hingga 1983 beliau menjadi Penyelaras Program Pendidikan Islam di Akademi Islam, Universiti Malaya (AIUM) dan kemudiannya pada tahun 1992 hingga 1994 beliau menjadi Dekan Fakulti Syariah di AIUM.

Beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Prof. Madya Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) pada 29 Jun 1996. Pada 1 Ogos 1996 hingga 3 Mac 1999 beliau telah diberi kepercayaan untuk menjadi Ketua Jabatan Fiqh dan Usul di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Setelah bersara sebagai pensyarah pada tahun 2004, beliau disambung ke jawatan kontrak sebagai pensyarah kontrak di Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM) sehingga tahun 2005.

Dato' Salleh Bin Hj Ahmad merupakan seorang tokoh yang banyak memainkan peranan dalam membantu menyebarkan dakwah khususnya dalam bidang pengajian ilmu fiqh. Beliau bukan sahaja dikenali di peringkat universiti, malah namanya juga dikenali di seluruh Malaysia sehinggakan beliau dipilih menjadi Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia (PUM) bagi sesi 2005-2007, iaitu satu badan NGO yang bebas daripada dipengaruhi oleh sebarang gerakan, pertubuhan dan pemikiran yang bercanggah dengan Syarak. Tidak hairanlah beliau sanggup menyampaikan ilmu walaupun di luar tugas rasmi, kerana mementingkan ilmu-ilmu Islam terus disebar ke seluruh anggota masyarakat.

Setelah tamat kontrak dengan Universiti Malaya, beliau telah ditawarkan secara kontrak bertugas di *International Islamic University Malaysia* (IIUM) sebagai *Senior Academic Fellow, Department of Islamic Law, Ahmad Ibrahim Kulliyah of Law*, IIUM dari tahun 2006 hingga 2011. Pengalaman beliau sebagai Penyelaras Program Pendidikan Islam, Timbalan Dekan Fakulti Syariah, Dekan Fakulti Syariah, kemudian Ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Senior Academic Fellow IIUM, sangat menunjukkan ketokohan dan kelayakan serta kehebatan beliau dalam bidang ilmu-ilmu Islam khususnya bidang fiqh (Salleh Ahmad, 2012).

Dengan komitmen dan kesungguhan beliau dalam bidang hukum Syarak dan fiqh, beliau telah dipilih menjadi Ahli Jawatankuasa *Syar'iyyah* (fatwa) Majlis Hal Ehwal Islam, Perak Darul Ridzwan (1985 hingga sekarang), Pengarah Majlis Ijtimak dan Muzakarah (bulanan) Madrasah Ahmadiyah, Sungai Petai, Bukit Gantang, Taiping, Perak (1985 hingga sekarang), Ahli Lembaga Amanah Yayasan Muslimin Malaysia (1993-2009), Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Wilayah Persekutuan (1998, 2004, 2007, 2011), Ahli Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) (1999-2004), Ahli Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak Darul Ridzuan (2000, 2003, 2006-2013), Ahli Jawatankuasa Penal Kajian Syariah JAKIM (2000 hingga sekarang), Anggota Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariyyah Negeri Selangor Darul Ehsan (2001-2004), Ahli Majlis Pengawasan Syariah Bank Rakyat (2000, 2002-2004), Ahli Jawatankuasa Kajian Undang-undang Keterangan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) (2002-2005), Ahli Majlis Pengawasan Syariah Bank Muamalat (2002, 2004, 2006-2011), Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Selangor Darul Ehsan (2003, 2005, 2008-2013), Ahli Jawatankuasa Syariah (Fatwa) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (2004, 2005-2007 hingga sekarang), Pakar Rujuk Risalah "Panduan Tayammum dan Solat Pesakit" (2003) JAKIM dan Pakar Rujuk Buku "Gerbang Perkahwinan Bagi Modul

Bersepadu Pra Perkahwinan Islam” (versi 2004), Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Pengurusan Masjid, JAKIM.

Beliau juga seorang yang aktif berdakwah melalui program-program jemputan sebagai pensyarah atau penceramah seperti pensyarah Jemputan Bersiri Program *Tafaqquh Fi al-Din* untuk Hakim-hakim Syariah Seluruh Malaysia, (Zon Tengah, Utara, Pantai Timur dan Zon Sabah dan Serawak) Anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) (2002 hingga sekarang), Pensyarah Jemputan Bersiri Program *Tafaqquh Fi al-Din* untuk Pegawai-pegawai Tadbir Agama Islam Negeri Perak Anjuran Jabatan Mufti Negeri Perak (2000 hingga sekarang) dan Pensyarah Jemputan Bersiri Program *Tafaqquh Fi al-Din* untuk Pendaftar-pendaftar Nikah, Cerai dan Ruju’ Negeri Perak, Anjuran Jabatan Agama Islam Perak (2001 hingga sekarang).

Beliau juga aktif dengan aktiviti kemasyarakatan di luar kampus antaranya memberi kuliah dan ceramah di masjid-masjid, seminar-seminar dalam dan luar negara seperti Singapura dan Brunei. Tidak hairanlah beliau mempunyai ilmu yang mendalam dan teknik penyampaian yang menarik serta perwatakan yang sangat disenangi oleh masyarakat.

Sememangnya beliau adalah seorang tokoh ilmuan yang sangat hebat dan tidak boleh dipandang remeh. Menurut Dato’ Salleh Haji Ahmad, beliau pernah bertemu dengan dengan Tuan Guru Haji Idris al-Marbawi semasa di Kaherah, Mesir pada tahun 1975. Kemudian kali kedua mereka bertemu ialah semasa Dato’ Salleh ditemuduga untuk mendapat Tauliah Mengajar Agama Negeri Perak, di mana salah seorang panel penemuduga ialah Tuan Guru Haji Idris al-Marbawi (Salleh Ahmad, 2012). Dato’ Salleh mempunyai prinsip tersendiri yang dikemukakan semasa menjadi Tokoh Ma’al Hijrah Negeri Perak. Ia dirakamkan dalam buku yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Perak sendiri yang bertajuk: Ulama Perak Dalam Kenangan dan Tokoh Ma’al Hijrah.

Prinsip Dato’ Salleh Haji Ahmad ialah “hidup adalah satu perjuangan, perjuangan tanpa ilmu satu khayalan, majlis ilmu perlu dimakmurkan, pendidikan Islam perlu diteruskan di semua peringkat pengajian, kebenaran wajib ditegakkan, kemungkarannya perlu diperangi habis-habisan dan segala jalan atau pintu kemaksiatan perlu ditutupkan”.

KEPERIBADIAN DATO’ SALLEH HAJI AHMAD

Data-data mengenai keperibadian Dato’ Salleh Haji Ahmad diperolehi melalui temubual dengan responden dan pengalaman pengkaji sendiri sewaktu menemubual beliau. Berdasarkan maklumat-maklumat terkumpul tersebut pengkaji mendapati bahawa ciri-ciri keperibadian yang dimiliki oleh Dato’ Salleh Haji Ahmad adalah seperti perbincangan di bawah.

Seorang yang Mempunyai Ilmu Pengetahuan yang Luas

Untuk menjadi ulama, seseorang itu hendaklah menguasai pelbagai ilmu agama dengan mendalam. Ini kerana ulama semestinya mampu menyampaikan ilmunya dengan betul dan tepat serta mempunyai hujah-hujah dan dalil-dalil yang sahih. Sesungguhnya sesuatu pandangan itu hendaklah mempunyai sandaran tanpa ada rasa ragu dan was-was. Walaupun Dato’ Salleh Haji Ahmad seorang yang berkelulusan dalam bidang Syariah, namun beliau juga mahir dalam bidang ilmu-ilmu yang lain seperti aqidah, tafsir, hadis, sirah, nahu, tasawwuf dan lain-lain yang berkaitan dengan ilmu agama.

Menurut Ustaz Jais Kamus (2012), Dato’ Salleh adalah seorang tokoh ulama yang mempunyai penampilan sebagai seorang yang banyak ilmu serta mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup baik dan amat banyak menguasai ilmu-ilmu *turath*. Menurutnya lagi beliau amat mahir mengajar dan memahami serta menyampaikan ilmu-ilmu kitab *turath* dengan cekap dan berkesan. Seterusnya Ustaz Jais berpandangan bahawa Dato’ Salleh juga berkeupayaan menghurai dan mengulas ulama yang dijumpai dalam sesebuah kitab yang dibaca, dari aspek ketokohnya, ilmunya, kitabnya, gelarannya dan lain-lain yang berkaitan. Dato’ Salleh Haji Ahmad agak *syadid* dalam memilih pandangan fiqh. Hal ini terbukti melalui beberapa pandangannya yang berpegang kepada pendapat mazhab

Syafi'e kecuali jika pandangan tersebut didapati tidak sesuai diaplikasikan oleh masyarakat setempat.

Menurut sahabat baik beliau, Darus Senawi Ali (2012), Dato' Salleh Haji Ahmad mula-mula belajar ilmu nahu dan bahasa Arab di pondok Kelantan bersama abangnya Ustaz Hasan Ahmad sehingga Dato' Salleh Haji Ahmad hafaz *Matan Harfiah*. Beliau menguasai buku-buku fiqh dan ilmu fiqh mazhab syafi'e. Beliau sangat mempunyai *iltizam* yang kuat atau berpegang teguh dengan pendapat mazhab Syafi'e dan menentang sepenuhnya fahaman Syiah. Dato'Salleh Hj. Ahmad juga terkenal dengan sifat warak. Semasa beliau memberi kuliah maghrib atau subuh, beliau sentiasa memberi peluang kepada para pendengar untuk bertanya tidak kira sama ada sebelum memulakan kuliah, semasa kuliah atau selepasnya.

Seterusnya Zamri Hasyim (2012) menyatakan, Dato' Salleh adalah seorang Ahli Majlis Fatwa yang paling banyak menyumbang idea berbanding dengan sebelas Ahli Majlis Fatwa yang lain kerana kemahirannya yang banyak menggabungkan sistem ilmu *turath* dengan penyelidikan moden.

Beliau juga banyak memberi pandangan serta menguasai ilmu dan berani untuk menyatakan kebenaran pendapatnya. Dato' Salleh Hj. Ahmad sangat terkehadapan tentang isu wahabi. Beliau juga banyak mengajar dalam pembacaan kitab seperti program *Tafaqquh* untuk Naib-Naib Kadi di Negeri Perak. Menurut seorang sahabat Dato' Salleh Hj. Ahmad, Ustaz Ahmad Badawi Abdullah (2013), beliau adalah seorang yang sangat bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu. Sewaktu di Mesir, Dato' Salleh telah pergi *bertalaqqi* dengan seorang guru yang hebat iaitu Syeikh Muhammad Najib Muti'e yang mana beliau adalah seorang ulama hebat di Mesir yang pernah dipenjarakan selama 20 tahun kerana terlibat dengan gerakan *Ikhwanul Muslimin*.

Dato' Salleh adalah anak murid kepercayaan Syeikh Muhammad Najib Muti'e dan kerap disuruh membaca kitab sebelum dihuraikan oleh Syeikh Muhammad Najib Muti'e. Beliau juga kerap dibawa oleh Syeikh untuk berkhotbah. Dato' Salleh juga selalu duduk di barisan hadapan ketika berlangsungnya majlis ilmu. Dato' Salleh Hj. Ahmad adalah antara guru yang boleh diterima ilmunya dan seorang tokoh yang diyakini ilmunya. Beliau banyak menulis buku dalam bidang kepakaran dan kebolehan beliau iaitu mengenai bab fiqh terutama dalam bab munakahat. Kemahiran beliau menguasai ilmu nahu menyebabkan beliau boleh memahami kitab *turath*, *usul fiqh* dan *fiqh* (Abdul Rahman Osman, 2013).

Menurut Dato' Seri Haji Harussani bin Zakaria (2012), Mufti Negeri Perak, Dato' Salleh Hj. Ahmad adalah seorang yang tekun dan berhati-hati dalam mengeluarkan hukum. Beliau seorang yang warak dan tidak banyak bercakap kecuali apabila disoal atau ditanya. Beliau juga mempunyai ilmu yang mendalam dalam bidang Usul Fiqh. Ketekunan beliau dalam membuat kajian, membolehkan beliau banyak memberi pandangan kepada Jawatankuasa Fatwa menyelesaikan masalah yang dibincangkan. Walaupun beliau seorang yang tegas, tetapi beliau masih bersifat terbuka dalam menerima pendapat lain sekiranya terdapat alasan dari nas yang sahih. Beliau juga menggunapakai adab-adab muzakarah serta mudah untuk didekati. Kebolehan Dato' Salleh menguasai ilmu *turath* dan kontemporari menyebabkan beliau dihormati oleh kebanyakan Ahli Majlis Fatwa.

Salah seorang anak murid beliau iaitu Abdul Zaki Bin Md. Zain (2013) berpandangan bahawa, Dato' Salleh Hj. Ahmad adalah seorang yang alim, faqih dan memang mahir dalam bidang fiqh terutama tentang munakahat. Beliau juga begitu teliti dalam menangani masalah semasa. Disamping itu beliau juga tegas semasa memberi pandangan dan pendapat dalam membenarkan sesuatu disiplin ilmu. Beliau seorang yang berlapang dada tetapi mengutamakan pandangan Imam al-Syafi'e, jika tidak terdapat pandangan Imam al-Syafi'e, barulah beliau akan menggunakan pandangan lain. Pandangan beliau diterima pakai di semua peringkat. Beliau sangat peramah dan mudah didekati. Ini terbukti melalui pertanyaan-pertanyaan yang disoal melalui telefon akan terus dijawab tanpa ada istilah "*nanti ana buka kitab dahulu*". Dato' Salleh juga banyak memberi pandangan kepada Kadi-kadi dan Hakim-hakim.

Dato' Salleh adalah antara Ahli Majlis Fatwa Negeri Perak yang banyak mengemukakan pandangan. Ini dibuktikan melalui minit-minit mesyuarat yang masih tersimpan di Jabatan Mufti Negeri Perak yang mana dalam minit mesyuarat itu disebutkan dengan jelas pandangan Dato' Salleh yang kebanyakannya diterima dan akhirnya dijadikan keputusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak. Antara contohnya adalah Minit Mesyuarat yang ke-113 bertarikh 22 November 1989 bersamaan 23 Rabiul Akhir 1410, bertajuk: "Membincangkan permohonan mendirikan Sembahyang Jumaat di surau Changkat Menteri dan Ladang Ulu Basir, Ulu Bernam, Hutan Melintang. Dalam masalah tersebut Dato' Salleh menyatakan "dari keadaan ahli *qaryah* tempatan tersebut, boleh dianggap *mustautin* menurut Mazhab Syafi'e. Beliau memberi alasan serta hujah sebagaimana yang terdapat dalam kitab majmuk dengan menyatakan muka surat 4 nombor 331 sebagai pandangan dengan menyebut teks asal yang dikemukakan oleh mam al-Nawawiy yang bermaksud:

"Orang luar (bukan mastautin) jika dia duduk di sesebuah negeri dan menjadikannya sebagai tempat mustautinnya, maka dia mengambil hukum penduduk negeri itu dalam kewajipan menunaikan solat Jumaat dan solat Jumaat tersebut dapat dilaksanakan dengan kehadirannya. Sekiranya orang luar itu tidak menjadikan negeri itu tempat bermastautin tetapi berazam untuk pulang semula ke negerinya selepas beberapa masa sama ada untuk tempuh sekejap atau lama, seperti peniaga. Maka wajiblah dia solat Jumaat tetapi solat Jumaat itu tidak dapat dilaksanakan dengan kehadirannya sahaja menurut pandangan yang paling sahih".

Ahli-ahli mesyuarat bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Dato' Salleh Haji Ahmad dan akhirnya pandangan tersebut menjadi keputusan Jawatankuasa Syariah (fatwa) Negeri Perak Darul Ridzuan.

Menurut Ustaz Jais Kamus (2012) Dato' Salleh juga banyak mengajar kitab-kitab besar seperti *Mughniyy al-Muhtaj* karangan imam Khatib al-Sharbiniyy dalam program anjuran JAKIM yang dianjurkan seminggu sekali selama lima tahun daripada tahun 2005 hingga 2011. Program tersebut dilaksanakan secara bergilir-gilir bersama abang beliau iaitu Haji Hasan Ahmad, Almarhum Dato Hasyim Yahya dan Ustaz Ghazali Taib.

Dato' Salleh Haji Ahmad juga merupakan tenaga pengajar dalam program Halaqah Ilmu anjuran Pejabat Mufti Negeri Pahang, yang mana program ini adalah titah dari Kebawah Duli Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah. Dato' Salleh telah diamanahkan untuk mengajar pogram ini sebulan sekali bermula daripada tahun 2008 hingga tahun 2011 untuk kadi-kadi dan hakim-hakim Syarie Negeri Pahang. Penyertaan kemudian diluaskan lagi untuk pengetua-pengetua sekolah agama, ketua-ketua jabatan, kagat, wakil-wakil agensi dan lain-lain jabatan (Abd Rahman, 2014).

Pada permulaannya Dato' Salleh telah menggunakan kitab *Mughniyy al-Muhtaj* karangan imam Khatib al-Sharbiniyy, kemudian beliau telah menukarnya dengan buku tulisannya sendiri yang bertajuk *Perkahwinan dan Perceraian dalam Islam*. Perubahan dibuat bagi memudahkan pemahaman para peserta kursus yang terdiri daripada pelbagai latar belakang yang kebanyakannya yang bukan daripada jurusan Bahasa Arab (Abd Rahman, 2014).

Selain itu Dato' Salleh Haji Ahmad sangat suka membaca dan merujuk kitab-kitab muhtabar. Tidak hairanlah beliau boleh menjawab soalan-soalan terutama berkaitan masalah agama dengan spontan serta boleh menyebutkan nama-nama kitab yang boleh dijadikan rujukan untuk sesuatu masalah. Beliau juga banyak membentangkan kertas kerja di seminar-seminar, kursus-kursus dan perjumpaan-perjumpaan yang berkaitan dengan isu-isu hukum Syarak.

Seorang yang Tegass dengan Hukum Syarak

Dato' Salleh adalah seorang yang tegass, terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan hukum Syarak. Sesuatu perkara yang hukumnya wajib, akan ditegasskan oleh Dato' Salleh tanpa dipengaruhi oleh unsur-unsur emosi atau tanpa terpengaruh dengan mana-mana pertubuhan atau parti politik. Menurut Ustaz Jaiz Kamus (2012), pernah suatu ketika

semasa Dato' Salleh membentangkan satu kertas kerja di negeri Perak yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin negara, dalam isu hukum hudud, Dato' Salleh dengan tegas menyatakan "*hukum hudud adalah hukum Allah, kalau tak ada yang nak buat, carilah pemimpin yang nak buat*".

Beliau tidak akan bertolak ansur dalam menyatakan perintah Allah SWT walaupun di hadapan orang politik. Satu lagi contoh yang dinyatakan oleh Ustaz Jais Kamus (2012) mengenai ketegasan Dato' Salleh ialah pandangannya dalam menyatakan isu berkaitan dengan Amanah Saham Bumiputra atau ASB. Beliau berpandangan bahawa masih ada 28% lagi saham ASB dilaburkan kepada konvensional, maka ia belum dibersihkan lagi, menyebabkan beliau dengan tegas menyatakan ia haram.

Isu ASN/ASB ini juga hangat dibincangkan di Jabatan Mufti Negeri Perak. Mengikut Minit Mesyuarat yang ke 122 bertarikh 25 April 1992 bersamaan 23 Syawal 1412, salah seorang Ahli Majlis Fatwa Negeri Perak iaitu Dato' Haji Mohd Saman Bin Haji Mohamad telah menyatakan ASN/ASB adalah harus disertai dengan dalil-dalil dan hujah-hujah yang dikemukakan oleh beliau. Beliau juga berhujah bahawa ekonomi umat Islam di negara ini yang dalam keadaan tenat dan sampai tahap darurat. Pendapat yang mengharuskan ASN/ASB ini juga telah disokong oleh Tuan Haji Abdullah Sani bin Mohd. Ali, Tuan Haji Abd. Rahman bin Osman, Tuan Haji Hashim bin Haji Anang dan semua ahli mesyuarat kecuali Dato' Salleh Bin Haji Ahmad yang tetap tidak bersetuju dengan pendapat tersebut.

Seterusnya Dato' Salleh meminta supaya Dato' Haji Mohd Saman menyediakan satu kertas kerja yang khusus mengenainya dan dibentangkan dalam mesyuarat yang akan datang. Dato' Salleh seterusnya menegaskan supaya digugurkan terlebih dahulu semua pelaburan yang haram yang masih ada dalam skim ASN/ASB. Pendirian dan pandangan ini menunjukkan ketegasan beliau dalam menyatakan hukum yang haram kerana beliau tidak mahu rakyat terjerumus ke dalam perkara yang haram.

Dato' Salleh juga pernah memberikan alasan kepada ahli mesyuarat "kita belum dapat menerima dan memastikan apakah ekonomi kaum bumi dan umat Islam di negara ini benar-benar dalam keadaan tenat dan darurat? Dan sejauh mana yang dikatakan darurat? Kalau betul kerajaan nak mengislamkan ASN dan ASB kenapa Bank Bumiputra Berhad, yang menjadi milik kerajaan yang 100% pekerja dan kakitangannya orang Melayu tak menjalankan muamalah secara Islam? Pandangan tegas beliau ini juga disebabkan kebimbangan beliau bahawa konsep ASN dan ASB ini hanya kearah mengejar kekayaan segera (cepat kaya) semata-mata.

Perbincangan isu hukum ASN dan ASB ini adalah salah satu bukti yang jelas menunjukkan ketegasan Dato' Salleh dalam menyatakan perkara yang berkaitan dengan hukum syarak terutama apabila melibatkan perkara yang haram. Beliau tetap istiqamah dengan pendapatnya walaupun tidak dipersetujui oleh Ahli Fatwa yang lain, walaupun pada ketika itu beliau berhujah dengan Dato' Mufti sendiri.

Semasa Dato' Salleh mengajar dalam siri Halaqah Ilmu anjuran Pejabat Mufti Pahang yang dihadiri sendiri oleh penulis, beliau telah memberi komen yang tegas berkaitan dengan isu tuduhan ke atas Dato' Seri Anwar Ibrahim yang merupakan mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Dalam isu ini Dato' Seri Anwar Ibrahim telah dituduh melakukan zina dengan seorang pelacur, namun yang menuduh iaitu tiga orang Dato' yang dikenali dengan trio Dato' T hanya mengemukakan video sebagai saksi. Dato' Salleh mengecam keras tindakan tiga orang Dato' berkenaan dengan mengemukakan dalil dari ayat al-Quran. Seterusnya Dato' Salleh menambah, video tidak boleh dijadikan bukti kerana ia boleh diubah suai. Jika seseorang hendak membuat tuduhan, mereka mestilah menggunakan empat orang saksi lelaki yang adil. Dato' Salleh juga membacakan kaedah yang dipersetujui ulama iaitu bukti pada yang menuduh, sumpah bagi mereka yang menafikan tuduhan. Dato Salleh juga menyelar tindakan tiga orang Dato' itu dengan menyatakan mereka termasuk di kalangan orang yang fasik (Salleh Ahmad, 2012).

Salah satu lagi ketegasan dan kekuatan Dato' Salleh Haji Ahmad semasa menjadi Ahli Jawatankuasa Syariah (fatwa) ialah ketika beliau membangkitkan kembali keputusan yang telah dibuat dan dipersetujui oleh mesyuarat Ahli Jawatankuasa Syariah (fatwa)

Negeri Perak kali ke 107 bertarikh 4 Oktober 1988 kerana beliau tidak dapat hadir pada mesyuarat tersebut.

Tajuk perbincangan adalah mengenai faedah pinjaman dianggap riba supaya halal dari segi agama Islam yang dikemukakan oleh Syarikat Kerjasama Orang-orang Melayu Kerajaan Hilir Perak (SKOMK). Tuan Haji Salleh Haji Ahmad telah meminta izin daripada Sahib al-Samahah untuk membangkitkan dan membincangkan semula bagi perkara 2.6 dalam minit yang lalu kerana beliau tidak dapat hadir dalam mesyuarat tersebut dan dipersetujui oleh Sahib al-Samahah (hal-hal lain, minit mesyuarat kali ke-108, 3 April 1989). Ini kerana keputusan asal yang dipersetujui sebulat suara ialah harus.

Tuan Haji Salleh Haji Ahmad memberitahu mesyuarat, keputusan yang dibuat oleh mesyuarat Jawatankuasa Syariah mengenai perkara di atas iaitu ahli koperasi dibolehkan membayar lebih daripada hutangnya dengan syarat sipiutang membuat nazar lebih daripada hutangnya berasaskan kepada alasan dalam kitab *Matla' al-Badrayn*. Berhubung dengan pertanyaan daripada Syarikat Kerjasama Orang-orang Melayu Kerajaan Hilir Perak (SKOMK), beliau berpendapat keputusan itu tidak menepati kehendak syarak kerana hukum keharusannya jika dirujuk kepada kitab tersebut, hanya dibenarkan dalam keadaan *darurat* sahaja sedangkan fatwa yang diputuskan itu adalah sebagai fatwa umum. Jika sesiapa yang ingin beramal dengan keputusan Jawatankuasa Syariah itu, adalah memerlukan kepada nazar bagi setiap peminjam. Menurut beliau keadaan ini tidak menyelesaikan masalah koperasi dan ekonomi" (hal-hal lain, minit mesyuarat kali ke 108, 3 April 1989).

Menurut beliau, "koperasi boleh menggunakan *al-Qard al-Hasan, bai' al-murabahah, natah al-qirad*, sistem *al-murabahah*. Beliau berharap, walaupun keputusan Jawatankuasa Syariah bagi perkara tersebut telah diterima oleh persidangan majlis, beliau mencadangkan agar fatwa itu ditarik balik" (hal-hal lain, minit mesyuarat kali ke 108, 3 April 1989).

Y.D.H Toh Paduka Indera, Tuan Haji Mohamad Saman bin Mohamad menjelaskan bahawa, "pendapat yang dikemukakan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah itu, bukanlah memberi pendapat tentang bagaimana cara-cara menubuhkan satu-satu koperasi atau syarikat kerjasama dari segi pinjaman kewangan. Pendapat itu untuk amalan seseorang bagi menyelesaikan masalah.

Pendapat yang diputuskan itu ialah daripada pertanyaan yang dikemukakan oleh koperasi tersebut dimana sejak ditubuhkan, koperasi tersebut berjalan dengan undang-undang dan peraturannya sendiri. Oleh itu, pihak koperasi mengemukakan pertanyaan, bagaimana cara menyelesaikan pinjaman kepada ahli-ahli yang dikenakan faedah 6% atau 5% setahun. Pihak koperasi berkenaan meminta pandangan supaya bayaran lebih daripada wang pokok (wang asal) itu, tidak dianggap riba" (hal-hal lain, minit mesyuarat kali ke 108, 3 April 1989).

Sahib al-Samahah pengerusi memberitahu "penjelasan telah dibuat oleh koperasi berkenaan (SKOMK) iaitu dikenakan 6% atau 5% setahun kepada ahli untuk satu ketika. Kaedah koperasi itu adalah berbentuk begitu. Kalau hendak dipinda akan menyeluruh peringkat kebangsaan". Sahib al-Samahah pengerusi menjelaskan, fatwa yang dibuat oleh Jawatankuasa Syariah dan Majlis bagi perkara tersebut, bukanlah satu kesilapan, kerana ia adalah hukum juga (hal-hal lain, minit mesyuarat kali ke 108, 3 April 1989). Setelah dibincang, mesyuarat bersetuju membuat keputusan seperti berikut:

"Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Perak Darul Ridzuan kali ke 108 pada 3 April 1989 bersamaan 26 Syaban 1409 bersetuju supaya Ahli Fatwa Haji Mohd Salleh menyediakan satu kertas kerja bagi garis panduan bagi mengelakkan riba untuk dijalankan oleh koperasi di negara kita Malaysia, menurut pandangan syarak" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Syariah (fatwa) Negeri Perak Kali Ke 108, 3 April 1989).

Semasa membincangkan hal-hal lain Mesyuarat Jawatankuasa Syariah (fatwa) Negeri Perak kali ke 109 bertarikh 26 Jun 1989 bersamaan 12 Zulqaedah 1409, mesyuarat telah membincangkan kertas kerja yang disediakan oleh Tuan Haji Salleh Ahmad tentang penyelesaian ke atas faedah pinjaman yang dikemukakan oleh SKOMK. Beliau

memberitahu mesyuarat antara lain, iaitu “tidak bersetuju dengan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Syariah Perak kali ke 107 yang membuat keputusan bagi pertanyaan daripada SKOMK yang telah memberi pinjaman kepada ahli-ahli yang dikenakan faedah 6% setahun atau 5% setahun. Kepada ahli-ahli yang meminjam atas kadar 90% daripada jumlah sahamnya, Jawatankuasa Syariah dalam keputusannya itu bersetuju sebulat pendapat iaitu ahli-ahli koperasi dibolehkan membayar lebih daripada hutangnya dengan syarat sipiutang membuat *nazar* lebih daripada hutangnya berasaskan kepada alasan dalam kitab *Matla' al-Badrayn* daripada kitab *Fath al-Mu'cin* muka surat 98 dan 99”.

“Tn. Haji Mohd Salleh tidak bersetuju dengan pendapat itu, kerana dalam kitab *Fath al-Mu'cin* dan *I'alah al-Talibin* adalah tidak lebih daripada keharusan berhutang dengan membayar faedah dalam keadaan *darurat* sahaja. Walaupun sebahagian ulama mengatakan tetap berdosa berhutang dengan memberi riba dalam keadaan *dharurat* kerana ada jalan keluar yang lain seperti yang tersebut dalam kitab *Fath al-Mu'cin* muka surat 68” (Minit Mesyuarat kali ke 109, 26 Jun 1989).

“Tn. Hj. Mohd Salleh mempersoalkan bagaimana pula hukumnya dengan SKOMK sendiri yang memberi hutang dengan mengenakan syarat membayar faedah/riba sebagaimana yang diamalkannya. Apakah halal amalannya dengan memberi hutang kepada seseorang yang terdesak atau dalam keadaan *darurat* yang akan membayar lebih dengan niat *nazar* atau *tamlik*. Tidak sesiapa pun mengatakan harus/halal bahkan *ijmak* ulama haram memberi hutang dengan syarat membayar lebih berdasarkan Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 275” (Minit Mesyuarat kali ke 109, 26 Jun 1989).

“Seterusnya Tn. Hj. Mohd Salleh menyatakan, sama ada menurut pandangan *Ibnu Zayyad* atau *Ibnu Hajar*, dalam keadaan *darurat* sahaja dibolehkan seseorang itu berhutang dengan membayar lebih dengan syarat bernazar atau *tamlik* seperti kata *Ibnu Zayyad* atau tidak perlu bernazar lagi bahkan terus berpegang kepada kaedah: *الضرورة تبيح*

المحظورات

Sebagaimana pendapat *Ibnu Hajar* dan juga *Jumhur Fuqaha'*, yang demikian dalam melaksanakan kaedah *الضرورة تبيح المحظورات* itu, satu kaedah yang penting tidak harus ditinggalkan dan mesti dikembarkan bersama iaitu *الضرورة تقدر بقدرها*. Menurut Tn. Hj. Mohd Salleh beliau memahami keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Syariah pada kali ke 107 itu dan jawapan S.S. Mufti kepada syarikat kerjasama berkenaan itu tidak pun menyebut perkataan “*darurat*” (Minit Mesyuarat kali ke 109, 26 Jun 1989).

“Tn. Hj. Mohd Salleh mencadangkan supaya *Fatwa* yang telah dikeluarkan kepada syarikat SKOMK itu ditarik balik, dan digantikan *Fatwa* yang lain. Beliau juga mencadangkan supaya Jawatankuasa Syariah Perak menjadi pelopor ke arah mengislamkan Koperasi/Syarikat Kerjasama. Seterusnya beliau meminta supaya Majlis Agama Islam Perak menganjurkan satu seminar pelaksanaan Sistem Kewangan Islam atau *Muamalat Islamiah* dan seluruh anggota Lembaga Pengarah dan Pengurus Syarikat Kerjasama dijemput hadir dalam seminar itu” (Minit Mesyuarat kali ke 109, 26 Jun 1989).

Akhirnya Mesyuarat telah membuat keputusan “Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri Perak kali ke 109 bersetuju sebulat pendapat, iaitu surat jawapan yang telah dibuat dan dikirim kepada Syarikat Kerjasama Orang-orang Melayu Hilir Perak (SKOMK) bertarikh 21 Oktober 1988 bersamaan 10 Rabi'ul Awal 1409 disusuli semula dengan surat yang lain dengan menyebut orang yang berhutang itu sekiranya ia berada di dalam *darurat*, maka bolehlah ia berhutang dengan secara membayar lebih dengan syarat bernazar atau *tamlik* (mempermiliki). Tetapi nisbah yang memberi hutang sama ada piutang itu *darurat* atau tidak, ia tetap riba haram kerana nas: *كل قرض جر منفعة فهو ربا* (Minit Mesyuarat kali ke 109, 26 Jun 1989).

Sekali lagi Dato' Salleh Haji Ahmad membangkitkan perkara tersebut dalam mesyuarat seterusnya dalam agenda perkara berbangkit, iaitu Mesyuarat Jawatankuasa

Syariah Negeri Perak kali ke 111 bertarikh 22 November 1989 bersamaan 23 Rabi'ul Akhir 1410, beliau menyatakan "saya ingin tahu sejauh mana tindakan yang telah diambil bagi keputusan semula kepada Syarikat Kerjasama Hilir Perak (SKOMK) supaya dibuat surat susulan kepada syarikat berkenaan dari jawapan asal". S.S. Dato' pengerusi menjelaskan perkara tersebut telah dibincangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Syariah kali ke 107 pada 4 Oktober 1988 bersamaan 23 safar 1409 dan keputusannya itu telah dikemukakan kepada syarikat berkenaan. Keputusan itu telah dikekalkan dan tidak ada surat susulan dibuat (Minit Mesyuarat kali ke 111, 22 November 1989).

Dato' Salleh Haji Ahmad mempertikaikan sekali lagi dengan menjelaskan "jawapan dari keputusan mesyuarat itu kurang penyelesaian kepada syarikat SKOMK itu, kerana tidak menjelaskan kedudukan *muqtarid*". S.S Dato' Mufti memberitahu, "keputusan Jawatankuasa Syariah itu dibuat pada syarikat berkenaan (SKOMK) dalam perkara Fatwa ini, bolehlah dibuat pada koperasi seluruhnya, dengan mengadakan mesyuarat khas bagi membincangkan kedudukan perjalanan koperasi pada pandangan Islam" (Minit Mesyuarat kali ke 111, 22 November 1989).

Akhirnya keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Perak Darul Ridzuan kali ke 111 bertarikh 22 November 1989 bersamaan 23 Rabu'il Akhir 1410, bersetuju sebulat pendapat akan diadakan "Mesyuarat Khas" bagi membincangkan kedudukan perjalanan koperasi seluruhnya menurut pandangan Islam. Mesyuarat juga bersetuju, diminta kepada Tn. Haji Salleh Ahmad menyediakan kertas kerja bagi tujuan tersebut (Minit Mesyuarat kali ke 111, 22 November 1989).

Isu ini menunjukkan kekuatan pandangan Dato' Salleh Haji Ahmad dalam berbahas mengenai isu yang beliau tidak setuju. Walaupun kesemua Ahli Fatwa tidak sependapat dengan beliau, namun beliau tetap dengan pendiriannya iaitu hendaklah diperbetulkan jawapan kepada pertanyaan mengenai faedah pinjaman dianggap riba supaya halal dari segi agama Islam yang dikemukakan oleh Syarikat Kerjasama Orang-orang Melayu Kerajaan Hilir Perak (SKOMK), dan beliau tetap mempertahankan hujahnya bahawa haram dari segi agama Islam faedah pinjaman riba. Hanya beliau seorang sahaja yang pernah mempertikaikan keputusan yang dibuat oleh Ahli Jawatankuasa Syariah (fatwa) Negeri Perak. Ini dapat dilihat dengan jelas daripada analisis yang dibuat oleh penulis daripada minit mesyuarat ke 103 hingga minit mesyuarat ke 121.

Mesyuarat akhirnya akur dengan pandangan dan pendapat Dato' Salleh Haji Ahmad yang tegas dalam memastikan sistem Muamalat Islam diamalkan dan dijadikan panduan dalam sesuatu urusan niaga. Dengan keputusan ini, Ahli-ahli Fatwa yang lain tidak memberikan apa-apa komen dan hanya berdiam diri dengan tidak berkata apa-apa. Isu ini juga membuktikan Dato' Salleh merupakan Ahli Fatwa yang paling terkehadapan dari segi ilmu pengetahuan dan pendapat serta pandangan beliau sentiasa mendominasi perjalanan mesyuarat.

Pandangan Fiqhnya Terserlah dalam Isu Fiqh Semasa

Ketika membincangkan isu yang bertajuk "Pekerja yang Terlibat dengan Kerja-kerja Kecemasan", iaitu yang berhubung dengan masalah pekerja yang terlibat dengan kerja-kerja kecemasan seperti anggota keselamatan, anggota bomba, kakitangan hospital dan sebagainya. Dato' Salleh Haji Ahmad sekali lagi diiktiraf pendapatnya dengan mendahului pendapat tokoh-tokoh lain. Beliau berpendapat bahawa pekerja yang terlibat dengan kerja-kerja kecemasan seperti anggota keselamatan, anggota bomba, kakitangan hospital dan sebagainya adalah dibolehkan menjamakkan solat. *Allah* dibolehkan menjamakkan solat ialah kesulitan yang dihadapi mereka ketika menjalankan tugas disebabkan berlaku kes-kes kekurangan anggota yang bertugas dan keadaan ketika itu amat kritikal yang memerlukan perkhidmatan mereka.

Pekerja tersebut boleh menjamakkan solat secara *Jamak Ta'khir* sahaja dan tidak menjadikan rukhsah itu sebagai satu kebiasaan bagi mereka. Sepatutnya pihak pengurusan bagi sesebuah organisasi atau institusi sama ada kerajaan atau swasta lebih bertanggungjawab bagi mengelakkan kakitangan bawahannya daripada bertugas hingga terhalang daripada melakukan solat, seperti menyediakan jadual waktu bertugas

mengikuti shif dan sebagainya. Sebagai contoh anggota polis yang bertugas mengawal lalu lintas di jalan raya hingga tamat waktu solat tidak dibenarkan melakukan rukhsah kerana kebiasaannya mereka bertugas dalam jangka masa tertentu sahaja dan berkesempatan melakukan solat dalam waktunya (Sofiyuddin, 2007).

Begitu juga masalah pekerja kilang yang dipaksa oleh majikan melakukan tugas hingga tidak sempat untuk menunaikan solat dalam waktunya dan dalam kedudukannya sukar mendapatkan pekerjaan untuk menyara keluarga adalah diharuskan melakukan rukhsah itu. Keharusan ini hanya dibolehkan kepada mereka yang tidak menjadikannya sebagai satu kebiasaan bagi mereka (Sofiyuddin, 2007).

Profesor Madya Dr. Johari Bin Mat, Dr. Mohd Mohiden bin Abd Rahman dan Ustaz Muhammad Asri bin Yusoff menyatakan pendapatnya bahawa kedudukan seorang pekerja yang terlibat dengan kerja-kerja kecemasan seperti anggota keselamatan dan kakitangan hospital dibolehkan mereka menjamakkan solat sama ada secara *Jamak Taqdim* atau *Ta'khir* kerana menyelamatkan nyawa pesakit. (Sofiyuddin, 2007).

Menurut pandangan Sahibul Fadhilah, Dato' Hj. Mohamad Shukri Bin Mohamad, Tn. Guru Hj. Abdullah Bin Hj. Abdul Rahman, Tn. Guru Hj. 'Atiqullah Bin Hj. Yaacob dan Tn. Guru Hj. Abd. Hamid Bin Hj. Ishak bahawa seorang yang bekerja seperti anggota keselamatan, anggota bomba, kakitangan hospital dan sebagainya adalah tidak diharuskan melakukan solat jamak sama ada *Jamak Taqdim* atau *Jamak Takhir*. Mereka berpendapat, kebiasaannya mereka bertugas dengan mengikut jadual masing-masing dan tidak timbul soal tidak sempat menunaikan solat dalam waktu tertentu. Mereka juga boleh bergilir dengan rakan-rakan setugas yang lain, begitu juga *mashaqqah* yang dihadapi tidaklah terlalu berat.

Kajian oleh Sofiyuddin Haji Abdul Hamid (2007) menyatakan bahawa, setelah menganalisis berdasarkan pandangan tokoh-tokoh ulama diatas, penulis telah membuat kesimpulan untuk memilih pendapat atau pandangan yang di lontarkan oleh Dato' Salleh Haji Ahmad bahawa pekerja yang bertugas ketika berlaku kecemasan dan amat kritikal dibolehkan menjamakkan solat.

Sebagai contoh, kakitangan hospital seperti doktor dan jururawat yang bertugas bagi menyelamatkan nyawa pesakit adalah merupakan satu *'illah* untuk mengharuskan solat secara jamak kerana *mashaqqahnya*. Begitu juga dengan anggota keselamatan dan anggota pertahanan awam yang bertugas bagi menyelamatkan nyawa mangsa kemalangan, kebakaran dan sebagainya adalah merupakan satu *'illah* untuk mengharuskan solat secara jamak kerana kesukaran dan kesulitan yang dihadapi mereka. Syariat Islam itu sendiri tidak diturunkan melainkan untuk kemudahan dan kesejahteraan kepada umat Islam.

Kupasan berkaitan isu yang kedua ini jelas menunjukkan pandangan Dato' Salleh Haji Ahmad diiktiraf dan dijadikan rujukan dalam kajian Sofiyuddin Abdul Hamid (2007) berbanding dengan tokoh-tokoh yang lain. Ini menunjukkan keilmuan dan sumbangan Dato' Salleh Haji Ahmad dalam bidang ilmu fiqh sangat diiktiraf. Beliau juga tidak terlalu ketat dan tidak terlalu longgar dalam mengeluarkan pendapat. Beliau tegas dengan perkara dasar atau yang mempunyai dalil yang *qatie* dan berlapang dada dengan perkara cabang.

Isu seterusnya adalah berkaitan dengan masalah bencana alam seperti banjir besar, hujan lebat beberapa hari, tanah runtuh dan sebagainya. Merujuk kepada kajian Sofiyuddin Abdul Hamid (2007) beliau telah menemubual beberapa orang tokoh ulama untuk membincangkan masalah bencana alam ini. Dalam isu ini didapati bahawa pandangan Dato' Salleh Haji Ahmad mendahului pendapat-pendapat yang lain. Pendapat beliau juga disokong oleh beberapa tokoh ulama yang lain iaitu Sahibul Fadhilah, Dato' Hj. Mohamad Shukri bin Mohamad, Tn. Guru Hj. Abdullah bin Hj. Abdul Rahman, Tn. Guru Hj. 'Atiqullah bin Hj. Yaacob, Ustaz Abdullah al-Qari bin Haji Salleh, Tn. Guru Hj. Abd. Hamid bin Hj. Ishak.

Mereka berpandangan tidak boleh dilakukan Solat Jamak kerana bencana alam ini tidak melibatkan seluruh kawasan dan kebiasaannya yang terlibat seperti kawasan tanah runtuh, kawasan pinggir sungai dan sebagainya. Pada kebiasaannya pihak kerajaan juga

akan menyediakan kemudahan penginapan sementara kepada mangsa-mangsa bencana alam sebelum balik semula ke tempat mereka. Selain itu, tempat penginapan sementara tersebut biasanya dilengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur kepada mangsa (Sofiyuddin, 2007).

Golongan kedua yang telah diwakili oleh Profesor Madya Dr. Johari bin Mat, Dr. Mohd Mohiden bin Abd Rahman dan Ustaz Muhammad Asri bin Yusoff telah menyatakan pendapat mereka bahawa masalah bencana alam seperti banjir besar, hujan lebat beberapa hari, tanah runtuh dan sebagainya adalah dibolehkan menjamakkan solat. Kebiasaannya mangsa bencana alam ini terpaksa menghadapi kesulitan dan kesukaran bagi meneruskan kehidupan harian mereka. Kesulitan dan kesukaran yang dialami mereka semasa bencana alam ini merupakan satu *‘illah* bagi membolehkan mereka menjamakkan solat. Sekalipun mangsa-mangsa banjir dipindahkan dan ditempatkan seperti di masjid, surau, balairaya, sekolah, dewan serbaguna dan sebagainya, namun dalam kapasiti yang ramai tetap juga berlaku kesulitan dan kesukaran kepada mangsa-mangsa banjir tersebut.

Sofiyuddin Abdul Hamid (2007), setelah menganalisis pandangan tokoh-tokoh ulama diatas, telah membuat kesimpulan bahawa masalah bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan sebagainya tidak dibolehkan melakukan solat secara jamak. Menurut pandangan mazhab Syafi'e, solat jamak tidak boleh dilakukan melainkan ketika dalam keadaan musafir yang melebihi dua *marhalah*. Walaupun ada keluasan dalam melakukan solat jamak selain dalam keadaan musafir menurut pandangan mazhab lain, tetapi dalam keadaan bencana alam ini, tidak dibenarkan kerana tidak sampai ke tahap dharurat.

Kebiasaannya pihak berkuasa akan memindahkan mangsa-mangsa banjir dari kawasan yang mengalami banjir ke tempat-tempat yang lebih selamat seperti masjid, surau, balairaya, sekolah, dewan serbaguna dan sebagainya dengan menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur untuk kemudahan umat Islam melaksanakan tanggungjawab mereka kepada Allah SWT. Isu bencana alam ini sekali lagi menunjukkan pandangan Dato' Salleh Haji Ahmad diterima dan dijadikan sandaran sebagai rujukan kepada penulis tesis sarjana iaitu Sofiyuddin Abdul Hamid (2007) dan menjadi panduan kepada pengkaji-pengkaji ilmu khususnya yang membaca tesis beliau.

Isu seterusnya yang dibincangkan ialah berkaitan dengan masalah orang yang bermusafir disebabkan pekerjaannya. Masalah ini merujuk kepada pemandu teksi, pemandu bas ekspres, pemandu lori jarak jauh dan sebagainya. Dato' Salleh Haji Ahmad dan Sahibul Fadhilah, Dato' Hj. Mohamad Shukri bin Mohamad menyatakan harus menjamak dan mengqasarkannya solat jika jarak perjalanan mencapai dua *marhalah*. Pandangan kedua pula diwakili oleh Profesor Madya Dr. Johari Bin Mat dan Ustaz Muhammad Asri Bin Yusoff menyatakan harus menjamak dan mengqasarkannya solat tanpa merujuk kepada jarak tertentu. Tokoh-tokoh yang lain tidak dinyatakan pandangannya (Sofiyuddin 2007).

Isu terakhir yang pengkaji ingin ketengahkan ialah berkaitan dengan perjalanan untuk menyaksikan konsert rock, konsert jom heboh, Akademi Fantasia, Anugerah Juara Lagu, pelacuran dan sebagainya. Golongan pertama yang diwakili oleh tiga orang tokoh iaitu Dato' Salleh Haji Ahmad, Profesor Madya Dr. Johari bin Mat dan Ustaz Abdullah al-Qari bin Haji Salleh berpendapat tidak dibolehkan melakukan *rukhsah* kerana jelas terdapat unsur-unsur maksiat seperti percampuran bebas lelaki dan perempuan serta majlis tersebut ialah majlis yang melalaikan dari mengingati Allah SWT

Pandangan kedua diwakili oleh seorang sahaja tokoh iaitu Ustaz Muhammad Asri bin Yusoff dengan menyatakan pendiriannya yang mana beliau berpendapat boleh menjamak dan mengqasarkannya solat bagi tujuan tersebut kerana *‘illah* safar itu sendiri yang merupakan anugerah Allah SWT kepada manusia. Menurutnya antara ibadat dan maksiat adalah dua perkara yang berbeza. Kedua-duanya akan dikira atau dihitung baik buruknya secara berasingan nanti oleh Allah SWT (Sofiyuddin 2007)

Daripada kajian Sofiyuddin Abdul Hamid (2007), didapati bahawa pandangan Dato' Salleh Haji Ahmad dalam kesemua isu Solat *Jamak* dan *Qasar* tersebut adalah paling dominan dan sangat menonjol berbanding dengan tokoh-tokoh yang lain. Pandangan

beliau juga dipetik sebagai pendahulu berbanding dengan para ilmuan yang lain. Ini menunjukkan pandangan beliau sangat dihormati dan diberi perhatian dalam membicarakan persoalan mengenai hukum syarak. Pandangan beliau sangat sesuai dijadikan sandaran untuk setiap orang beramal dengannya kerana sesuai dengan waqi' semasa dan menggunakan pendekatan yang sederhana. Beliau seorang yang menjadi tumpuan dalam membincangkan hukum-hakam terutama yang berkaitan dengan masalah semasa. Ini dibuktikan bahawa bukan sahaja dalam masalah yang berkaitan dengan ibadah, tetapi beliau juga membentangkan masalah yang berkaitan dengan muamalat, munakahat, perundangan, kehakiman dan sebagainya.

Merendah diri, Warak dan Tawaduk

Dato' Salleh seorang yang sangat merendah diri dan bersifat tawaduk. Walaupun beliau tegas dengan hukum Syarak namun beliau amat mudah didekati dan amat mesra melayan sesiapa sahaja tanpa membezakan kedudukan dan pangkat. Beliau juga amat murah dengan senyuman. Walaupun beliau bergelar Dato' namun keperibadian dan kehidupan beliau tetap dalam kesederhanaan (Abdul Zaki, 2013).

Beliau juga tidak suka menonjolkan diri dan beliau bukan seorang yang suka mencari populariti. Boleh dikatakan beliau tidak pernah muncul di kaca television dan dimana-mana siaran radio. Beliau lebih selesa menyampaikan ilmu dan mengajar tanpa dikenali masyarakat umum.

Menurut Ustaz Jais Kamus (2012), Dato' Salleh tidak banyak bercakap dan hanya membincangkan perkara-perkara yang penting sahaja. Beliau juga tidak berbual tentang perkara yang sia-sia dan tidak suka berbual kosong. Beliau juga tidak akan menyatakan sesuatu hukum yang beliau sendiri tidak pasti. Beliau bersifat rendah diri, sentiasa menggunakan ungkapan "*wallahu a'lam*" jika beliau tidak pasti atau tidak mengetahui tentang sesuatu hukum. Beliau selalu mengungkapkan perkataan. "*wallahu a'lam*" di akhir jawapan beliau sama ada setiap kali dapat menjawab soalan atau tidak menjawab. Ini menunjukkan sifat warak beliau sepertimana yang sering juga ditunjukkan oleh ulama-ulama silam.

Istiqamah Dalam Menyampaikan Ilmu

Dato' Salleh Haji Ahmad memang terkenal dengan sifat istiqamah dalam menyampaikan ilmu. Ini terbukti dengan sumbangan beliau yang menjadi tenaga pengajar sebagai pensyarah di Universiti Malaya selama 32 tahun. Setelah bersara dari Universiti Malaya pada tahun 2005, beliau menyambung kontrak sebagai pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa sehingga tahun 2011. Setelah tamat kontrak di Universiti Islam Antarabangsa, beliau kembali ke kampung halaman dan mengajar di pondok *almarhum* bapa mertuanya, iaitu di Sg. Bakap. Beliau juga masih menjadi Ahli Jawatankuasa *syar'iyah* (fatwa) Negeri Perak, Negeri Selangor dan Pulau Pinang sehingga sekarang. Beliau juga masih aktif dalam jemputan memberi ceramah dan seminar-seminar seperti ceramah untuk jemaah haji dan seminar yang dianjurkan oleh badan-badan tertentu seperti Persatuan Ulama Malaysia dan lain-lain.

Salah satu sumbangan yang amat besar dalam bidang dakwah Dato' Salleh ialah amalan aktiviti pengajarannya yang telah berusia lebih 60 tahun dan masih berterusan hingga ke hari ini, iaitu Ijtimak dan Muzakarah bulanan di Madrasah Ahmadiyah Sg. Petai, Bkt Gantang. Beliau adalah salah seorang daripada tuan guru yang mengajar dalam Ijtimak tersebut dengan menggunakan kitab dan berulang-alik lebih kurang sejak 30 tahun lalu. Amalan ini adalah tradisi keluarga Dato' Salleh sejak dahulu dan hanya dilaksanakan sekali dalam sebulan iaitu pada setiap hari Ahad. Menurut Dato' Salleh, suatu ketika dahulu kehadiran pernah mencecah 1000 orang, namun sekarang telah berkurangan kepada 600 ke 700 orang sahaja (Salleh Ahmad, 2012).

TAULIAH DAN PENGANUGERAHAN

Dato' Salleh Hj. Ahmad telah mendapat tauliah mengajar agama daripada Majlis Agama Islam Perak (MAIP) pada tahun 1968. Tauliah ini masih kekal sehingga sekarang. Ini

menunjukkan kesungguhan beliau dalam menyampaikan ilmu kepada masyarakat. Seterusnya beliau juga dianugerahkan tauliah mengajar agama daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada tahun 1982. Beliau sememangnya tidak dilarang mengajar di mana-mana masjid dan surau di Lembah Klang disebabkan oleh tauliah yang beliau terima.

Kesungguhan dan komitmen beliau dalam menyampaikan ilmu telah melayakkan beliau mendapat tauliah mengajar dan berceramah di Negeri Selangor Darul Ehsan mulai pada 27 Mei 2009 hingga 31 Disember 2013. Kemudiannya beliau tidak menyambung tauliahnya kerana beliau telah bersara dan pulang ke kampung halaman beliau di Sungai Bakap, Pulau Pinang.

Dato' Salleh Haji Ahmad telah mendapat empat penganugerahan di peringkat negeri dan kebangsaan mulai tahun 2003 hingga 2015 kerana jasa dan pengorbanan beliau yang banyak dalam bidang agama. Anugerah pertama yang diterima ialah dipilih sebagai tokoh Ma'al Hijrah Peringkat Negeri Perak bagi tahun 1424H/2003M kerana sumbangan dan jasa beliau yang banyak terutama sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah (fatwa) Negeri Perak sejak tahun 1985 hingga sekarang. Seterusnya beliau telah menerima Pengurniaan Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P) pada 19 April 2007. Dengan anugerah ini, beliau telah layak mendapat gelaran Dato', oleh Sultan Perak. Anugerah ketiga yang diterima oleh beliau ialah Tokoh Ma'al Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1431H/2009M. Anugerah ini menunjukkan beliau juga diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai tokoh yang banyak memberikan sumbangan terutama dalam bidang agama.

Anugerah yang terakhir dan yang terkini yang telah dianugerahkan kepada beliau ialah tokoh Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 2015M/1436H. Anugerah peringkat kebangsaan ini adalah satu pengiktirafan kepada usaha dan sumbangan beliau dalam bidang agama khususnya dalam ketekunan beliau menyampaikan ilmu kepada masyarakat. Namun beliau tidak pernah menyombongkan diri dengan anugerah yang beliau pernah terima. Beliau lebih menambahkan sifat rendah diri dalam diri beliau kerana keikhlasan beliau dalam menyampaikan dakwah.

PENUTUP

Amanah ilmu yang diberikan oleh Allah SWT kepada Dato' Salleh telah dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Beliau menjalankan tanggungjawab sebagai da'i dengan penuh keikhlasan dan kesungguhan. Segala sumbangan yang dilakukan oleh Dato' Salleh hanya untuk mencari keredaan Allah SWT serta memastikan masyarakat bebas dari belenggu kejahilan.

Beliau juga dapat menjalankan semua tanggungjawab dengan baik walaupun terdapat pertindihan tugas. Tugas hakiki beliau sebagai pensyarah beliau utamakan disamping menjalankan tugas sebagai amanah dari jabatan lain seperti Jabatan Mufti, Jabatan Agama, tugas-tugas luaran dan sebagainya. Beliau tidak mengambil kesempatan di atas tugas sampingan yang diberikan. Inilah sifat beliau yang sangat disenangi dan dihormati oleh majikan serta orang atasan.

Tidak semua pendakwah mampu untuk melaksanakan tugas dari pihak yang berlainan dalam satu-satu masa. Namun Dato' Salleh mampu untuk membuktikannya. Ini mungkin anugerah Allah SWT kepada beliau atas komitmen dan kesungguhan beliau dalam memperjuangkan Islam. Semoga beliau akan terus menabur khidmat untuk Islam dan kita semua mendapat manfaat dari keikhlasan beliau menyampaikan ilmu.

RUJUKAN

- Jabatan Mufti Negeri Perak. T.th. *Ulama Perak dalam Kenangan dan Tokoh Ma'al Hijrah*. Percetakan Zainon Kassim Sdn Bhd. Ipoh
- Minit mesyuarat Jawatankuasa Syariah Perak Darul Ridzuan kali ke 107. Bertarikh 4 Oktober 1988M bersamaan 23 Safar 1409H. Bertempat di Kompleks Islam Perak Darul Ridzuan, Ipoh.

Minit mesyuarat Jawatankuasa Syariah Perak Darul Ridzuan kali ke 108. Bertarikh 3 April 1989M bersamaan 26 Sya'ban 1409H. Bertempat di Kompleks Islam Perak Darul Ridzuan, Ipoh.

Minit mesyuarat Jawatankuasa Syariah Perak Darul Ridzuan kali ke 109. Bertarikh 26 Jun 1989M bersamaan 12 Zulqa'idah 1409H. Bertempat di Kompleks Islam Perak Darul Ridzuan, Ipoh.

Minit mesyuarat Jawatankuasa Syariah Perak Darul Ridzuan kali ke 111. Bertarikh 22 November 1989M bersamaan 23 Rabiul akhir 1410H. Bertempat di Kompleks Islam Perak Darul Ridzuan, Ipoh.

Minit mesyuarat Jawatankuasa Syariah Perak Darul Ridzuan kali ke 122. Bertarikh 25 April 1992M bersamaan 23 Syawal 1412H. Bertempat di Kompleks Islam Perak Darul Ridzuan, Ipoh.

Sofiyuddin Abdul Hamid, 2007. *Solat Jamak dan Qasar: Huraian Berasaskan Realiti di Malaysia*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

Temubual

Abdul Zaki bin Md. Zain (Anak murid, Temubual 12 Ogos 2014).

Dato' Abdul Rahman bn Osman (Rakan sejawat, Temubual 19 Disember 2012).

Dato' Salleh bin Hj. Ahmad (Temubual 16 September 2012).

Dato'Seri Haji Harussani bin Zakaria (Mufti Negeri Perak Temubual 20 November 2011).

Dr Abd Karim Ali (Rakan Sejawat, Temubual 14 Oktober 2014).

Ustaz Ahmad Badawi bin Abdullah (Rakan semasa menuntut, Temubual 7 Mei 2013).

Ustaz Darus Senawi bin Ali (Rakan Sejawat, Temubual 19 Disember 2012).

Ustaz Idris bin Hj. Ahmad (Adik, Temubual 5 Januari 2013).

Ustaz Jais bin Kamus (Setiausaha Majlis Fatwa Selangor 2007-2017, Temubual 19 Disember 2012).

Ustaz Zamri bin Hashim (Setiausaha Majlis Fatwa Perak 1997-2008, Temubual 20 November 2012).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.